

PEMULIHARAAN TERHADAP STRUKTUR BANGUNAN ISTANA JAHAR SEBAGAI BANGUNAN WARISAN DI KELANTAN: SATU TINJAUAN AWAL

NUR NASIHA MUHAMAD HASANI*

SHAHARIAH NORAIN SHAHARUDDIN**

*n_nasihasani@yahoo.com**, *shahariah.s@umk.edu.my***

Abstrak

Makalah ini mengkaji tentang kajian pendekatan pemuliharaan terhadap struktur bangunan Istana Jahar sebagai bangunan warisan di Kelantan yang dikategorikan sebagai warisan ketara. Bangunan Istana Jahar kini dikenali sebagai Muzium Adat Istiadat. Ianya telah diiktiraf sebagai bangunan warisan pada tahun 2012 oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) selain merupakan salah satu tempat destinasi pelancongan yang menjadi tumpuan utama para pelancong yang datang ke Kelantan. Tambahan lagi, istana warisan tersebut kaya dengan senibina warisan lama, dibina oleh orang pakar, mempunyai tradisi selain pernah dijadikan sebagai tempat bersemayam dan pusat pentadbiran pada awal pembinaannya. Namun begitu, seperti mana bangunan warisan lain yang dibina dengan menggunakan kayu sepenuhnya berisiko tinggi dari mengalami kerosakan dan kecacatan dari beberapa faktor terutamanya bencana alam. Pada tahun 2004 dan 2014, negeri Kelantan telah mengalami banjir besar di Kota Bharu dan telah menjelaskan bangunan warisan Istana Jahar kerana ditenggelami banjir dan telah menyebabkan berlaku kerosakan pada beberapa struktur bangunan. Justeru, kajian ini menekankan tentang pendekatan pemuliharaan yang digunakan bagi mencegah dan membaikpulih bangunan warisan dari berlaku kerosakan dan usang selain mengekalkan nilai keasliannya. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temubual separa berstruktur terhadap bangunan warisan Istana Jahar dalam mengkaji pendekatan pemuliharaan yang digunakan. Maka, pendekatan pemuliharaan yang betul diharapkan dapat mengekalkan bangunan Istana Jahar sebagai bangunan warisan yang sentiasa dilindungi dan menjadi tempat pelancongan kepada masyarakat selain dapat meningkatkan ekonomi dalam industri pelancongan di Kelantan.

Kata Kunci: Struktur Bangunan, Bangunan Warisan, Istana Jahar, Pendekatan Pemuliharaan

Dihantar: 24 April 2020

Disemak: 30 Julai 2020

Diterbit: 31 September 2020

*Pelajar Sarjana di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

**Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan



JAHAR PALACE CONSERVATION AS A HERITAGE BUILDING IN KELANTAN: A PRELIMINARY OUTLOOK

NUR NASIHA MUHAMAD HASANI*

SHAHARIAH NORAIN SHAHARUDDIN**

*n_nasihasani@yahoo.com**, *shahariah.s@umk.edu.my***

Abstract

This paper describes a study of the conservation approach Jahar Palace building as a heritage building in Kelantan and categorized as significant heritage. The Jahar Palace Building, now known as the Royal Tradition and Customs Museum, that was recognized as a heritage building in 2012 from the National Heritage Department (JWN) and is one of the main tourism destinations for tourists coming to Kelantan. In addition, the Jahar Palace rich in ancient heritage architecture which was built by traditional arts and craft experts, also has been used as a residence and administrative center in the early days of its construction. However, just like any other heritage building whereby the architecture was built from wood that prone to high risk of damage and defects due to several factors, especially natural disasters. In 2004 and 2014, the state of Kelantan suffered heavy floods in Kota Bharu that causes the Jahar Palace flooded and damage to structures. Therefore, this study emphasizes how conservation approaches are used to prevent and restore the heritage buildings from damage and obsolescence while preserving their original and aesthetic value. In addition, this study used document analysis methods, observation and semi-structured interviews on obtaining the Jahar Palace as heritage buildings for the pilot data collection. Thus, significant conservation approach is needed and vital to maintain the Jahar Palace as a protected heritage building as well as boost the economy of the tourism industry in Kelantan.

Keywords: Building Structure, Heritage Buildings, Jahar Palace, Preservation Approach

Submitted: 24 April 2020

Revised: 30 July 2020

Published: 31 September 2020

*Master student at Faculty of Creative Technology and Heritage, University Malaysia Kelantan

**Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, University Malaysia Kelantan



1.0 Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan peninggalan bangunan warisan serta mencerminkan identiti kepelbagaiannya bangsa dan budaya. Bangunan warisan di Malaysia juga mempunyai keunikan yang tersendiri dan bernilai dari segi rekabentuk dan ukiran yang terdapat pada struktur bangunan. Bangunan warisan dikategorikan sebagai warisan ketara bertujuan untuk manfaat dari generasi kepada generasi (Piagam Burra, 1999). Antara bangunan warisan yang popular atau menjadi kunjungan pengunjung dalam dan luar negara di Malaysia adalah Istana Jahar atau Istana Lama di negeri Kelantan. Istana Jahar telah diiktiraf sebagai bangunan warisan pada tahun 2012 oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Kini, bangunan Istana lama ini telah diubah fungsi dari bangunan warisan Istana menjadi Muzium Adat Istiadat Negeri Kelantan. Perubahan fungsi bangunan warisan Istana menjadi muzium yang melibatkan proses pemuliharaan dan konservasi juga digunakan oleh luar negara (Misirlisoy & Kağan, 2016; Hegazy, 2015; Highfield, 1987; & Jiang, Yao & Sun, 2019). Proses-proses atau pendekatan pemuliharaan Istana Jahar ini dijalankan bagi mengekalkan keaslian bangunan warisan Istana Jahar.

Selain itu, setiap kajian pemuliharaan yang dijalankan adalah untuk mengekalkan bentuk atau struktur asal bangunan yang semakin berusia dan arus perubahan zaman yang semakin pesat kini. Akibat daripada fenomena tersebut telah menyebabkan berlakunya beberapa kerrosakan struktur bangunan pada bahagian tertentu. Justeru, dengan adanya matlamat utama kajian pemuliharaan dapat menjamin tempoh hayat bangunan pada masa depan (Siti Nor Fatimah, Zainal Abidin, & Mohammad Ashraf, 2011).

Menurut buku Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan yang dikeluarkan oleh Jabatan Warisan Negara Malaysia, (2017), pendekatan pemuliharaan merupakan tindakan atau proses kerja untuk memulihara struktur sesebuah bangunan seperti menjaga dan mengawasi sesebuah bengunan warisan dari dimusnahkan atau dibaikpulih tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik. Menurut garis panduan tersebut, pemuliharaan melibatkan kerja-kerja bagi mengekalkan keadaan asal sesebuah bangunan dan tapak warisan serta proses untuk memanjangkan jangka hayat bangunan supaya ia boleh terus kekal untuk generasi yang akan datang. Manakala, menurut A. Ghafar Ahmad (2010), mengatakan bahawa pemuliharaan adalah kerja-kerja yang dilakukan bagi mengekalkan, mengembalikan dan menjaga struktur atau fabrik bangunan, tapak warisan dan monumen. Pada tahun 2000, Konservator Bangunan Profesional telah diperkenalkan dalam projek pemuliharaan. Antara pakar yang terlibat dan mengamalkannya secara berterusan terhadap projek pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia adalah A.Ghafar Ahmad, Yahya Ahmad, Rosli Nor, Siti Norlizaiha Harun, Stephen Boon dan Lawrence Loh, (Siti Norlizaiha, 2011). Hal ini adalah bagi melindungi dan menjadikan bangunan warisan tersebut seperti dalam keadaan asal selain untuk mengekalkan nilai. Oleh yang demikian, kajian tinjauan awal ini mengupas tentang pendekatan pemuliharaan yang telah dijalankan di bangunan warisan Istana Jahar.

2.0 Sejarah Bangunan Warisan

2.1 Istana Jahar



Istana Jahar mempunyai rekabentuk senibina tradisional Melayu Kelantan (Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 2019) Istana Jahar atau Muzium Adat Istiadat ini dibina pada tahun 1883 pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II sempena hadiah perkahwinan Long Kundur dan Tengku Embong. Istana Jahar ini dibina sepenuhnya dengan menggunakan kayu balak dan dilakukan dengan penuh adat istiadat oleh para tukang rumah tersohor dari seluruh negeri Kelantan yang diketuai oleh Encik Sulaiman dan Nik Salleh (Abustarim & Wan Jaafar, 2015). Terdapat juga kajian-kajian terdahulu menyatakan pembinaan Istana Jahar in iadalah bertujuan untuk dikurniakan kepada cucu, Long Kundur.

Namun, pada tahun 1980, bangunan Istana Jahar telah dijadikan sebagai Muzium Sementara Negeri Kelantan pada ketika itu dan pemberian bagi proses pemuliharaan dan konservasi bangunan warisan ini telah dilakukan. Pihak muzium telah menetapkan seminima yang mungkin bagi proses pengubahsuaian semula dari segi struktur bangunan kerana pada asalnya bangunan Istana Jahar hanya satu tingkat, namun kini struktur binaanya adalah dua tingkat selain berlaku kerja ubahsuai pada bahagian tangga dan penambahan tiang bangunan (Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1991). Ini kerana terdapat Istana Jahar sebagai bangunan warisan yang dipamerkan akan menjadi rujukan kepada masyarakat, pihak berkepentingan, pihak profesional serta individu yang sangat penting dan juga harus dijaga bagi mengekalkan keaslian, nilai estetika serta nilai sejarah yang dipulihara dengan baik. Ini juga diakui oleh A Ghafar, (2010) dan Rahimah, (2017) bahawa pemuliharaan yang dijalankan merupakan suatu usaha murni, melindungi dari sebarang kerosakan yang berpunca daripada faktor alam sekitar, bencana alam atau manusia selain dapat mengelakkan dari menyebabkan struktur bangunan menjadi usang.

2.2 Muzium Adat Istiadat Negeri Kelantan

Muzium Adat Istiadat terletak di kawasan pusat Bandar di daerah Kota Bharu Kelantan dan dikenali sebagai Istana Jahar kerana ia mempunyai rekabentuk tradisional Melayu Kelantan (Laman Web Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, n.d.). Kedudukan bangunan muzium ini juga dikelilingi oleh bangunan muzium lain seperti Bank Kerapu, Istana Batu, Istana Balai Besar, Muzium Islam disamping terletak bersebelahan dengan masjid warisan, Masjid Muhammadi. Selain itu, muzium Adat Istiadat juga menjadi mercu tanda selain menjadi tumpuan utama para pelancong ke negeri Kelantan. Selain itu, rekabentuk muzium Adat Istiadat juga mempunyai keunikan dan keistimewaan kerana mempunyai gabungan antara dua pengaruh iaitu Barat dan Timur (Nik Din, Rashid, & Salleh, 2014). Hal ini dapat dibuktikan pada bahagian hadapan atap yang berbeza dengan rumah tradisional yang lain seperti rumah tiang dua belas dan rumah bujang di Kelantan. Disamping itu, bangunan tersebut juga disokong oleh beberapa batang tiang yang berbentuk silinder dimana ia berbeza dengan rumah Melayu yang biasanya mempunyai tiang berbentuk empat segi dan bulat.

Bangunan warisan Istana Jahar dibina pada tahun 1887 dan pada awalnya dikenali sebagai Istana Raja Bendahara. Namun, pada tahun 27 Julai 1992, ianya telah dijadikan sebagai muzium Adat Istiadat dan telah dirasmikan oleh Al Sultan Kelantan Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra. Muzium Adat Istiadat bernaung dan menjadi hak milik Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan telah diwartakan sebagai bangunan warisan Negeri Kelantan pada tahun 2005 oleh Jabatan Warisan Negara dibawah akta 645 (Abustarim & Wan Jaafar, 2015). Muzium ini berfungsi sebagai tempat pameran dimana ia mempamerkan pelbagai jenis Adat Istiadat turun temurun oleh Diraja Kelantan seperti adat berkhatan, adat bersalin, adat memijak tanah dan adat melenggang perut. Selain itu, muzium ini juga mempamerkan peralatan perhiasan diri, tembaga, dan fabrik yang digunakan oleh golongan atasan pada zaman dahulu untuk tontonan generasi kini.



Penubuhan Muzium Adat Istiadat, Kelantan ini dapat mengekalkan dan memulihara bangunan warisan lama agar tidak terbiar dan menjadi usang selain dapat menambahkan ilmu pengetahuan tentang adat istiadat Diraja yang diamalkan pada zaman dulu. Tambahan lagi, visi muzium ini adalah untuk membentuk institusi muzium yang cemerlang di Malaysia dan misinya adalah melaksanakan setiap aktiviti permuziuman secara berkualiti dan berkesan kepada semua masyarakat, individu dan negara. Selain itu, terdapat beberapa objektif penubuhan Muzium Adat Istiadat, antaranya adalah sebagai tempat yang selamat untuk menyimpah khazanah dan artifik lama bagi tatapan kepada generasi baru, untuk mengembang dan meningkatkan industri pelancongan Negara dan sebagai tempat ubtuk menyebarluaskan ilmu pengetahuan selain memberi sumber rujukan kepada masyarakat tentang adat resam, sejarah kebudayaan dan kekayaan semulajadi yang terdapat di negeri Kelantan.



Rajah 1: Gambar Bangunan Istana Jahar yang telah dipulihara dan diselenggara dengan baik pada tahun 2019.

3.0 Penyataan Masalah

Bangunan Istana Jahar pernah dilanda dan ditenggelami banjir besar pada tahun 2004 dan 2014 (Wardah Tahir, 2015). Ianya telah mengakibatkan bangunan warisan Istana Jahar tersebut mengalami kerosakan secara fizikalnya pada struktur bahagian luar dan bahagian dalam bangunan (Sabki & Zuraini, 2019). Walau bagaimanapun, pendekatan pemuliharaan yang digunakan haruslah sesuai dan relevan bagi mengelakkan berlakunya susut nilai terhadap estetika seni bina, sejarah dan warisannya. Kebanyakkan bangunan warisan berusia lebih daripada 100 tahun memerlukan kaedah pemuliharaan yang terancang dan betul bagi memastikan teknik yang digunakan sesuai untuk di terapkan berdasarkan jenis kerosakan dan keadaan persekitaran (Siti Nor Fatimah et al., 2011). Namun begitu, masih lagi terdapat beberapa buah bangunan bersejarah yang tidak dipulihara dengan baik dan diabaikan oleh pemilik bangunan kerana tiada alternatif dan usaha untuk membaikpulih bangunan secara berterusan selain kurang kefahaman tentang pendekatan kaedah pemuliharaan yang betul (Kamarul Shahril, 2010).



4.0 Objektif

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti pendekatan pemuliharaan yang diterapkan bagi mengekalkan keaslian terhadap struktur bangunan Istana Jahar sebagai bangunan warisan di Kelantan.

5.0 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis data dengan melakukan melalui kaedah pemerhatian, kajian lepas, dan temubual secara separa berstruktur bersama dengan dua orang informan dari pihak pengurusan bangunan warisan Istana Jahar, Kelantan yang merupakan pegawai-pegawai khusus bagi menguruskan bangunan warisan Istana Jahar. Hal ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan data yang lengkap serta tepat dengan melakukan tinjauan awal tentang kesesuaian pemuliharaan yang dilakukan terhadap Istana Jahar. Selain itu, kajian ini memerlukan penelitian tentang kronologi pendekatan pemuliharaan yang diaplikasikan terhadap bangunan warisan Istana Jahar. Pemerhatian telah dijalankan pada tahun 2018¹, tahun 2019 dan tahun 2020 dan mengambil masa selama 1 minggu untuk setiap tahun manakala temubual pula telah dijalankan pada tahun 2018 hingga 2020². Temubual yang dijalankan mengambil masa selama 2 jam untuk setiap informan dengan menggunakan soalan temubual separa berstruktur.

6.0 Tinjauan Kesusasteraan

6.1 Pendekatan Pemuliharaan Melalui Penyesuaigunaan Semula

Penyesuaian semula merupakan kerja-kerja mengubahsuaian fungsi dan kegunaan bangunan warisan kepada yang baru, tetapi masih mengekalkan bentuk dan ciri-ciri bangunan yang asal (Bie & Cleempoel, 2019; Jabatan Warisan Negara Malaysia, 2017; Nur Hasimah, 2003). Menurut (Daeng Haliza, Zuliskandar, & Mastor, 2017) mengatakan bahawa pentingnya kaedah penyesuaigunaan semula yang digunakan keatas bangunan warisan adalah untuk memastikan ia terus terpelihara dan mengekalkan nilai estetika yang terdapat pada bangunan tersebut. Tambahan lagi, menurut A Ghafar, (2010), menyatakan bahawa kaedah penyesuaigunaan semula yang dilakukan terhadap mana-mana bangunan warisan adalah merupakan proses untuk mengubah sesuatu fungsi bangunan kepada fungsi yang baru, namun masih lagi mengekalkan bentuk asal dan ciri-ciri selain memanjangkan jangka hayat bangunan.

Pihak kerajaan cenderung untuk mengambil alih setiap bangunan warisan terutamanya

¹ Pengkaji telah menjalankan kajian tentang konservasi bangunan warisan Istana Jahar sebagai projek akhir penyelidikan 1 dan 2 serta menjalankan latihan praktikal di dalam bidang konservasi bangunan warisan sebagai pelajar di Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2018.

² Pemerhatian yang dijalankan pada tahun 2019 dan 2020 adalah selama satu minggu iaitu pada hari bekerja dan mengambil lebih kurang 1 jam bagi setiap rancangan tugas penelitian struktur bangunan seperti bumbung, tiang dan bahagian dinding.



bangunan kediaman tokoh-tokoh untuk disuaiguna mnejadi memorial (Nor Syahila & Nila Inangda Manyam Keumala, 2014). Tambahan lagi, untuk melaksanakan kaedah penyesuaigunaan semula sesebuah bangunan kepada fungsi baru, ianya harus mengikut prinsip-prinsip konservasi yang telah ditetapkan bagi menjaga dan memelihara nilai seni bina, sosial dan sejarah. Kaedah penyesuaigunaan semula yang diaplikasikan terhadap bangunan warisan atau memorial merupakan amalan yang berkesan untuk memulihara dan memelihara bangunan yang terpinggir.

Menurut Daeng Haliza et al., (2017), pendekatan penyesuaigunaan semula merupakan satu kaedah untuk memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan warisan dengan fungsi baru. Kaedah penyesuaigunaan semula telah dijalankan terhadap Istana Kenangan dimana ianya dibina sepenuhnya dengan menggunakan kayu. Namun, pada tahun 1960, kerja-kerja pemuliharaan dan pengubahsuaian telah dijalankan terhadap Istana Kenangan dan pada tahun 1986, ianya telah disuaiguna sebagai sebuah Muzium Di Raja Perak sehingga kini.

Pada tahun 1887 hingga 1889, pembinaan terhadap Istana Jahar dijalankan dan pada asal ianya merupakan bangunan satu tingkat yang mempunyai unsur seni bina tradisional Kelantan-Patani. Walau bagaimanapun, bangunan warisan Istana Jahar tersebut telah dirobohkan kerana sekian lama dibiarkan tidak terurus oleh pemilik. Pada tahun 1900 hingga 1905, kerja-kerja pembinaan telah dijalankan dimana struktur bangunan diubah menjadi dua tingkat. Namun, pada tahun 1979 setelah diperkenankan oleh Sultan Ismail Petra, bangunan warisan tersebut telah disuaiguna semula sebagai Muzium Negeri Kelantan (Siti Aisyah, Nur Athmar, & Tengku Fauzan, 2020). Menurut Abustarim & Wan Jaafar, (2015), bagi mewujudkan sebuah Muzium Negeri, ianya telah dibaiki dan diubah fungsinya mengikut kesesuaian terhadap sesebuah bangunan dan keperluannya. Seterusnya, pada tahun 1990, berlaku satu lagi kerja-kerja pengubahsuaian terhadap bangunan warisan bagi dijadikan sebagai Muzium Adat Istiadat (Istana Jahar) dan ianya masih dikekalkan sehingga kini.

6.2 Pendekatan Pemuliharaan Melalui Penyenggaraan

Hasil pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa pihak pengurusan bangunan warisan Istana Jahar yang terdiri daripada konservator, kontraktor dan penyelia muzium menggunakan pendekatan pemuliharaan penyenggaraan. Penyenggaraan merupakan satu proses untuk mengekalkan setiap fungsi yang terdapat pada sesebuah bangunan warisan dari segi memelihara, membaiki dari setiap struktur bangunan yang mengalami kerosakan dan persekitaran di sekeliling bangunan tersebut selepas pembinaan atau selepas pengembalian semula selesai (Jabatan Warisan Negara Malaysia, 2017). Menurut Rahman, Akasah, & Zuraidi, (2019), penyenggaraan merupakan pendekatan yang penting bagi pemuliharaan sesebuah bangunan warisan dan tidak boleh diabaikan. Justeru, setiap bangunan yang sudah mengalami proses pemuliharaan harus dilindungi dan dikawal bagi mengekalkan keutuhan dan keselamatan sesebuah bangunan warisan.

Pemuliharaan yang dijalankan terhadap bangunan warisan di Malaysia merupakan satu amalan baru. Setiap banguna warisan yang telah diiktiraf oleh Jabatan Warisan Negara atau UNESCO harus mengikuti beberapa prinsip asas dalam pemuliharaan terutamanya



penyenggaraan dimana merupakan amalan pemuliharaan yang dilakukan secara berkala dan terancang. Tambahan lagi, tujuan utama penyenggaraan terhadap bangunan warisan adalah untuk melindungi dan meneruskan kelangsungan fungsi sesebuah bangunan (Hashim, 2011) dan merupakan faktor yang paling penting dalam proses pemuliharaan dan memerlukan pakar yang berpengalaman untuk menyelenggara setiap bangunan (Brit, 1976).

7.0 Perbincangan

Pendekatan pemuliharaan penyenggaraan dan penyesuaigunaan semula yang digunakan terhadap struktur bangunan Istana Jahar merupakan satu proses yang sangat penting untuk dijalankan. Setiap kaedah atau pendekatan yang dijalankan dapat memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan warisan terutamanya bangunan Istana Jahar agar ia terus teguh dan kekal agar dapat dipertontonkan kepada generasi yang akan datang.

Kajian pemuliharaan terhadap struktur bangunan Istana Jahar yang menggunakan pendekatan yang betul seperti penyenggaraan dan penyesuaigunaan semula dapat mengekalkan setiap nilai kebudayaan, estetika dan rekabentuk yang tidak dapat disangkal lagi sebagai sebuah bangunan warisan di Kelantan. Namun, ada sesetengah bangunan yang tidak dipulihara dengan baik dan berlaku sikap lepas tangan oleh pihak yang sepatutnya. Oleh itu, bangunan warisan yang diabaikan berisiko tinggi untuk mengalami kemusnahan dan kepupusan akibat daripada sikap tidak mengambil peduli oleh pemilik atau masyarakat (Siti Nor Fatimah et al., 2011). Oleh itu, pihak kerajaan haruslah bertindak dan cenderung untuk mengambil alih penjagaan untuk dijadikan sebagai bangunan memorial dengan menggunakan kaedah suaiguna dan penyenggaraan dengan betul (Syahila, Rashid, Nila, Manyam, & Daud, 2014). Untuk menjalankan kaedah penyesuaigunaan dan penyenggaraan, pihak kerajaan dan pakar-pakar yang terlibat haruslah mengikuti garis panduan dan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan supaya nilai estetika, kepentingan seni bina dan sejarah tidak hilang ketika proses pemuliharaan dijalankan selain bagi mengelakkan berlaku kerugian serta kerosakan pada struktur bangunan warisan.

Tambahan lagi, kaedah konservasi penyesuaigunaan dan penyenggaraan yang dijalankan terhadap bangunan warisan merupakan kaedah yang paling berkesan untuk tujuan memulihara agar tidak terbiar tanpa penjagaan yang betul. Justeru, individu atau agensi seharusnya mempertimbangkan dengan baik tentang pendekatan pemuliharaan yang akan digunakan dengan mengambil kira beberapa faktor seperti umur bangunan, nilai bangunan warisan, rekabentuk, bahan dan cara penyelenggaraan dimana ia telah disahkan oleh beberapa pihak yang berkenaan (A.Ghafar, 2011).

Hasil daripada tinjauan awal yang dibuat semasa kajian temubual bersama dengan Pembantu Muzium, (Zuraini, 2019), pihak muzium dan pengurusan akan merekod ciri-ciri elemen asal dan keadaan struktur bangunan warisan Istana Jahar sebelum kerja-kerja penyesuaigunaan semula dilakukan bagi memastikan tidak berlaku susut nilai pada keaslian bahan binaannya untuk kerja-kerja pemuliharaan dalam jangka masa yang panjang.





(a) Dinding bangunan



(b) Lantai seramik

Rajah 2: Gambar dinding bangunan dan lantai seramik yang ditukar namun masih menggunakan rekabentuk yang sama oleh pihak muzium bagi mengekalkan struktur bangunan warisan.



Rajah 3: Gambar atap senggora yang ditukar mengikut proses suai guna bagi mengekalkan bentuk dan ciri yang sama. Manakala, beberapa biji tiang telah ditambah pada bahagian tingkat satu bagi menyokong struktur di tingkat dua bangunan.

Manakala, berdasarkan kajian lapangan, pemerhatian, dan temubual yang dibuat, mendapatkan bahawa kebanyakan struktur bangunan yang berisiko tinggi untuk mengalami kerosakan berada dalam keadaan baik. Menurut Sabki, Zuraiini, (2019), menyatakan bahawa setiap proses pemuliharaan penyenggaraan terhadap struktur bangunan akan dilakukan secara berkala dan berterusan. Pihak pengurusan muzium memastikan setiap struktur sentiasa berada dalam keadaan baik dan sentiasa berfungsi.



Rajah 4: Gambar kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan pada bahagian tangga Istana Jahar selepas musim PKP

Oleh itu, pihak pengurusan muzium sentiasa membuat pemeriksaan terhadap struktur yang mengalami kerosakan terlebih dahulu sebelum menentukan kaedah pemuliharaan yang sesuai untuk diaplikasikan. Setiap pendekatan pemuliharaan yang digunakan harus dititikberatkan kerana ia merupakan satu strategi pengurusan yang dilakukan terhadap bangunan warisan sebagai perlindungan dan memastikan sentiasa dalam keadaan baik (Ashraf, Zainal, Sufyan, & Kamaruzaman, 2014).

8.0 Kesimpulan

Tuntasnya, pendekatan pemuliharaan yang diterapkan terhadap struktur bangunan warisan Istana Jahar dapat melindungi, mengawal dan menjaga bangunan daripada berlakunya kerosakan secara terus. Pendekatan pemuliharaan penyesuaigunaan semula yang digunakan terhadap bangunan warisan Istana Jahar adalah untuk dipulihara dan mengekalkan elemen warisan selari dengan tradisi dan adat. Hal ini juga kerana bangunan Istana Jahar pernah terbiar pada satu ketika dahulu sebelum ianya dijadikan sebagai Muzium Negeri Kelantan dan kini fungsi bangunan warisan ini sebagai Muzium Adat Istiadat (Istana Jahar). Manakala, pendekatan penyenggaraan yang digunakan adalah memastikan setiap penjagaan ke atas struktur bangunan dilakukan secara berkala dan sistematik bagi mengelakkan berlaku kerosakan. Hasil dari kajian lepas, pemerhatian serta temubual bagi mendapatkan data sebagai tinjauan awal didapati bahawa pihak pengurusan muzium akan sentiasa memastikan setiap struktur bangunan berada dalam keadaan baik dan terkawal. Selain daripada itu juga, adanya pendekatan pemuliharaan digunakan secara betul terhadap bangunan warisan Istana Jahar, maka ia dapat melestarikan nilai warisan sekaligus menarik pengunjung atau pelancong bagi meningkatkan industri pelancongan di Kelantan. Malah, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan sumber kepada ilmiah, masyarakat atau generasi yang seterusnya berkaitan dengan nilai sejarah dan identiti serta lambang jati diri.

Rujukan

A.Ghafar, A. (2011). Key Conservation Principles of Old Traditional Mosque in Malaysia 2



Conservation and the Importance. *Development*, 7(4), 93–102.

A Ghafar, A. (2010). *Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia (Pengalaman dan Cabaran Masa Hadapan)* (4th ed.). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Abustarim, Y., & Wan Jaafar, J. (2015). *Muzium-muzium di Kelantan*. Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Ashraf, R., Zainal, A., Sufyan, A., & Kamaruzaman, M. (2014). Issues and problems affecting the implementation and effectiveness of heritage buildings maintenance. *The International Conference on Civil and Environmental Engineering Sustainability (IconCEES 2011)*, (13), 1–5.

Bie, P., & Cleempoel, K. Van. (2019). *Adaptive Reuse of the Built Heritage Concepts and Cases of an Emerging Discipline*. United State: Routledge.

Brit, K. (1976). *Building Maintenance in Old Buildings Conservation Approach: An Overview of Related Problems*. 41–56.

Daeng Haliza, D. J., Zuliskandar, R., & Mastor, S. (2017). *Istana Kenangan: Meneroka Integrasi Warisan Budaya Melayu Dan Konservasi Menerusi Pendekatan Suaiguna Semula*. 30(2), 1–10.

Hashim, A. E. (2011). Built Heritage Maintenance : A Malaysian Perspectives. *Procedia Engineering*, 20, 213–221. <https://doi.org/10.1016/j.proeng.2011.11.158>

Jabatan Warisan Negara Malaysia. (2017). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia.

Kamarul Shahril, K. (2010). Pengenalan Kepada Pemuliharaan Bangunan Bersejarah. *Proceedings Of The 2nd Builders Symposium (BuSY 2010) “Broadening Horizon Through Built Environment”, 25th. March 2010, University Technology Mara, Malaysia*.

Laman Web Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. (n.d.). Muzium Adat Istiadat (Istana Jahar).

Nik Din, N. A. A., Rashid, M., & Salleh, N. H. (2014). *The architecture of Istana Jahar: apprehend the parameters of historical changes*. 725–734.

Nor Syahila, A. R., & Nila Inangda Manyam Keumala, D. (2014). Kesesuaian Amalan Penyesuaigunaan Bangunan Kediaman Bersejarah kepada Memorial Kebangsaan. *Journal of Design and Built Environment*, 14(1), 1–13.

Nur Hasimah, B. (2003). *Pemeliharaan (Conseravation) Dan Penyesuaigunaan Semula (Adaptive re-use) Bangunan Lama- Satu Pendekatan ke Arah Membangunkan Produk Pelancongan Bandar Warisan: Kajian Kes Pasar Besar, Taiping, Perak*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. (1991). *Kota Bharu Kota Budaya*. Kota Bharu, Kelantan.

Rahimah, A. A. (2017). Heritage conservation: Authenticity and vulnerability of living heritage sites in Melaka state. *Kajian Malaysia*, 35(1), 39–58.



- Rahman, M. A. A., Akasah, Z. A., & Zuraidi, S. N. F. (2019). Analisis Tren Semasa Demografi Personel Penyenggaraan Bangunan Warisan Di Malaysi. *Journal of Surveying, Construction & Property*, 2(2), 1–9. <https://doi.org/10.22452/jscp.vol2no2.4>
- Sabki, I. (2019). Ketua Penyelia Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Kota Bharu, Kelantan. 15 Mac 2018, 23 Disember 2019. *Sejarah Penubuhan Istana Jahar*. (Temubual)
- Siti Aisyah, M., Nur Athmar, H., & Tengku Fauzan, T. A. (2020). *An Analysis Of The Suitability Of Adapting Istana Jahar To Be A Royal Museum Using Green Building Index Tools*. 29(9), 1701–1713.
- Siti Nor Fatimah, Z., Zainal Abidin, A., & Mohammad Ashraf, A. R. (2011). Masalah dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial Unimas 2011: Pembangunan Ke Arah Masa Depan Yang Mapan*, (April), 1–12.
- Siti Norlizaiha, H. (2011). Heritage building conservation in Malaysia: Experience and challenges. *Procedia Engineering*, 20, 41–53. <https://doi.org/10.1016/j.proeng.2011.11.137>
- Wardah Tahir. (2015). Banjir Kuning Bagai Tsunami Ancam Kelantan. *BH ONLINE*.
- Zuraini, Z. (2019). Pembantu Muzium Adat Istiadat (Istana Jahar). Kota Bharu, Kelantan. (15 Mac 2018, 24 April 2019,&17 Julai 2020). *Kajian Pemuliharaan yang dijalankan terhadap Istana Jahar*. (Temubual)

